


## Tingkatkan pengeluaran topeng hidung dan mulut



KUALA NERUS, 27 Jan – Tiga wanita memakai topeng penutup mulut dan hidung sebagai langkah berjaga-jaga berikutan jangkitan 2019 Novel Koronavirus (2019-nCoV) ketika tinjauan di Lapangan Terbang Sultan Mahmud hari ini. Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu menafikan terdapat pesakit yang dijangkiti Koronavirus menerima rawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ). Pengaruhnya Dr Nor Azimi Yunus berkata satu kenyataan telah dimuat naik di laman sosial Facebook Gabungan Anak Terengganu (Original) oleh individu menggunakan nama 'Ali Dapicey' kononnya lima individu yang baru kembali dari Wuhan telah dimasukkan ke HSNZ akibat jangkitan itu. Jelasnya pihak jabatan menafikan sepenuhnya kenyataan tersebut dan sehingga 26 Januari lepas tiada sebarang kes yang disyaki mengalami jangkitan Koronavirus yang dimasukkan ke mana-mana hospital di negeri ini. Dr Nor Azimi berkata penyebaran maklumat tidak benar itu hanya akan mencetuskan kebimbangan rasa panik yang tidak berasas dalam kalangan masyarakat kerana tidak bersandarkan fakta yang tepat. –fotoBERNAMA (2020) HAK CIPTA

TERPELIHARA

BERNAMA

PENGELUAR topeng hidung dan mulut tempatan akan meningkatkan pengeluaran mereka bagi menampung permintaan tinggi orang ramai susulan isu 2019 koronavirus baru.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution berkata, pihaknya mengadakan perbincangan dengan pihak pengeluar berhubung perkara tersebut.

"Sekarang ini permintaan begitu tinggi dan bekalan sekaran tidak dapat menampung permintaan. (Saya dimaklumkan) Bekalan berkurangan kerana banyak kilang yang tutup kerana cuti sempena sambutan Tahun Baru Cina.

"Kita dah maklum pada pihak pengeluar dan mereka akan meningkatkan pengeluaran mereka," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Kempen Beli Barang Malaysia bersama sebuah pasar raya di Kuala Lumpur, hari ini.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 30 January 2020 @ 4:09 PM